

Bab 3: Metodologi kajian

Bab ini akan membincangkan tentang metodologi kajian termasuklah perbincangan dari segi reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan penganalisisan data.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara "survey' ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat. Kajian survey ini dirasakan sesuai untuk jumlah sampel yang besar.

Sampel Kajian

Dalam kajian ini penulis mengkaji 80 orang sampel daripada sebuah di Teluk Intan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Teluk Intan. Sampel telah dipilih secara rawak dan terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan sahaja kerana sekolah ini adalah perempuan. Daripada 80 sampel yang dipilih secara rawak itu terdiri daripada pelajar jurusan Sains dan satu lagi pelajar jurusan Kemanusiaan.

Bagi menentukan pelajar yang baik dan pelajar yang lemah bahasa, penulis melihat keputusan peperiksaan Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR) mereka iaitu pelajar yang mendapat "A" dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dianggap pelajar yang baik dan pelajar yang mendapat kurang daripada itu dianggap lemah.

Taburan sampel dapat dilihat daripada jadual-jadual di bawah ini.

Jadual 1

Taburan Sampel Mengikut Kaum

Kaum	Peratus (%)	Jumlah (N)
Melayu	42.5 %	34
Cina	26.3 %	21
India	31.3 %	25
Jumlah	100 %	80

Jadual 1 menunjukkan taburan sampel mengikut kaum. Daripada jadual dapat dilihat bahawa 42.5 % sampel adalah Melayu, 26.3 % (21) Cina dan 31.3 % (25) adalah India.

Bagi menganalisis data, item ini dikod semula. Penulis telah mengekod semula kaum Cina, India dan lain-lain dan dianggap sebagai kaum bukan Melayu. Ini bermakna bagi melihat korelasi antara variabel kaum dengan variabel lain, penulis hanya mengambil kira kaum Melayu dan bukan Melayu sahaja.

Jadual 2

Taburan Sampel Mengikut Keputusan Bahasa Melayu PMR

Pencapaian Bahasa Melayu PMR	Peratus (%)	Jumlah (N)
A	61.3%	49
B	32.5%	26
C	6.3%	5
Jumlah	100	80

Jadual 2 pula menunjukkan taburan sampel mengikut keputusan Bahasa Melayu PMR mereka. Sebanyak 61.3 % (49) sampel mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR mereka, 32.5 % (26) sampel mendapat B dan hanya 6.3 % (5) sampel yang mendapat C. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar sampel adalah pelajar yang mendapat keputusan yang amat baik dalam Bahasa Melayu PMR mereka.

Jadual 3

Taburan Sampel Mengikut Pencapaian Ujian Karangan Jenis Ekspositori

Pencapaian pelajar dalam penulisan karangan ekspositori	Peratus (%)	Jumlah (N)
Cemerlang (80 -100)	13.8 %	11
Baik (60 - 79)	43.8 %	35
Sederhana (40 - 59)	42.5 %	34
Jumlah	100 %	80

Jadual 3 pula menunjukkan taburan sampel mengikut pencapaian dalam penulisan karangan jenis ekspositori berdasarkan ujian yang telah diberi sebelum soal selidik

peringkat ia sudah habis menulis. Selain itu bahagian ini juga meliputi soalan-soalan metakognisi pelajar pada peringkat ia habis menulis.

Walau bagaimanapun, walaupun peringkat menulis dalam soal selidik ini seolah-olah bersifat linear tetapi dalam setiap subproses ia sebenarnya mengandungi proses yang berulang-ulang termasuk merancang, meneliti dan menilai sebagaimana model Flower dan Hayes (1981).

Selain itu, perlu diberitahu di sini bahawa soalan-soalan yang menguji tahap metakognisi pelajar itu meliputi aspek pengetahuan metakognisi dan pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar sebagaimana teori yang dikemukakan oleh Flavell (1993).

Pembinaan Bahan Kajian (Instrumen)

Seperti yang dinyatakan, soal selidik ini dibina sendiri oleh penulis berdasarkan hasil kajian beberapa penyelidik yang boleh dijadikan pegangan. Pembinaan item-item soal selidik bahagian II, adalah berdasarkan teori proses menulis Flower dan Hayer (1981) yang mengatakan bahawa menulis itu sebagai satu proses dan ia pula berulang-ulang dalam setiap subproses. Peringkat-peringkat dalam proses itu termasuk merancang, meneliti yang termasuk di dalamnya adalah penyemakan dan penilaian.

Dari aspek perancangan iaitu proses penulisan yang pertama, penyelidik mendapati bahawa penulis yang mahir dan baik memerlukan masa yang lebih panjang untuk merancang penulisan mereka (Marohaini 1998). Peringkat merancang termasuklah memilih tajuk , membuat rangka , mencari isi, memilih isi, menyusun isi dan pembentukan matlamat penulisan. Menurut kajian, penulis yang mahir biasanya membentuk rangkaian matlamat yang terperinci bagi membantu mereka menghasilkan isi karangan pada peringkat perancangan berbanding penulis yang kurang mahir (Marohaini 1998). Ini bermakna penulis yang mempunyai kebolehan metakognisi mempunyai kesedaran peringkat perancangan ini. Atas dasar inilah instrumen yang dibina mengambil kira peringkat sebelum menulis pelajar

Begitu juga pada peringkat seterusnya iaitu penelitian yang meliputi subproses seperti penyemakan dan penilaian. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan oleh ramai penyelidik seperti (Flower dan Hayer ;1981 Tyner; 1992 dan Juriah Long dan Dayangku Jauyah ; 1998) bahawa proses menulis itu adalah rekursif, jadi peringkat penelitian ini berlaku pada bila-bila masa diperlukan dan sepanjang masa menulis (flower et. al 1986). Penulis yang baik dan mempunyai kebolchan metakognisi dan dapat memantau dan mengendali sendiri tindakannya semasa menulis untuk mendapat hasil karangan yang baik seperti kata Marohaini (1998) penulis yang baik lazimnya kerap membuat penelitian tentang apa yang ditulis dan membuat penyemakan sebagai sebahagian daripada proses menghasilkan sebuah teks karangan. Dengan yang demikian instrumen yang dibina juga mengambil kira aspek penelitian untuk melihat tahap pemantauan semasa menulis.

Begitu juga, seseorang yang mempunyai kebolehan metakognisi akan menyemak semasa menulis kerana dalam proses mengerang, porses menyemak merupakan proses pemikiran yang berlaku pada sebarang masa apabila seseorang itu mempunyai keputusan untuk menilai dan mengedit penulisan mereka (Marohaini 1998).

Selain itu, item-item dalam soal selidik diubah suai daripada Miholic (1994), dan Mohamad Haron (1998) soal selidik tentang kesedaran membaca. Walau bagaimanapun, penulis telah mengaplikasi beberapa item untuk penulisan.

Secara terperincinya, item-item soal selidik yang telah dibina itu juga berdasarkan teori metakognisi oleh Flavell (1993) seperti yang dibincangkan dalam bab satu. Item yang dibina bagi mengukur tahap pengetahuan metakognisi penulisan terhadap diri adalah dari bahagian II soal selidik iaitu item 1, 4.i, 4.ii, 6, dan 9.i. Bagi mengukur tahap pengetahuan terhadap metakognisi penulisan terhadap tugas-tugas penulisan pula adalah dari bahagian II soal selidik juga iaitu item 2, 3, 5.ii, 5.iv, 5.v, dan 9.ii. Sementara bagi mengukur tahap pengetahuan metakognisi penulisan terhadap strategi penulisan juga di bahagian II soal

selidik iaitu item 5.i, 5.iii, 5.vi, 7, dan 8. Item-item bagi mengukur tahap pemantauan pula didapati dari bahagian II soal selidik juga iaitu item 10.ii, 10.iii, 10.iv, 10.v, 10.vi, 14.i, 14.ii, 14.iii, dan 14.iv manakala item bagi mengukur tahap pengendalian kendiri pula adalah dari bahagian II soal selidik iaitu item 10.i, 11.i, 11.ii, 11.iii, 11.iv, 12.i, 12.ii, 12.iii, 12.iv, 13.i, 13.ii, 13.iii, dan 14.v.

Akhir sekali, penulis ingin menyatakan di sini bahawa tahap kebolehan metakognitif pelajar pula diukur mengikut skala *likert* iaitu :

- | | |
|------------------------|------------------|
| 1. Sangat Tidak Setuju | 3. Setuju |
| 2. Tidak Setuju | 4. Sangat Setuju |

Prosedur Kajian

Sebelum pengedaran borang soal selidik, responden terlebih dahulu memberi enam tajuk karangan iaitu tiga tajuk bagi karangan jenis ekspositori dan tiga lagi bagi karangan jenis deskriptif dan meminta pelajar supaya menulis dua karangan ringkas yang panjangnya lebih kurang 200 patah perkataan daripada setiap jenis karangan tersebut. Soalan karangan yang diberikan adalah *standard Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)* dan masa yang diperuntukkan bagi menulis dua jenis karangan pendek tersebut adalah selama 1 jam 30 minit.. Ini boleh dijalankan kerana sekolah berkenaan menjalankan jadual anjal iaitu tiga minggu satu pusingan dan satu waktu bagi setiap mata pelajaran adalah selama satu jam. Ini bermakna kaji selidik dan penulisan karangan ini boleh dijalankan semasa mata pelajaran Bahasa Melayu dua masa (*double period*) selama 2 jam. Untuk itu, penulis telah memohon kerjasama daripada pengetua sekolah dan guru Bahasa Melayu bagi kelas yang dipilih untuk menggunakan masa pengajaran dua masa kelas berkenaan untuk membolehkan penulis mentadbir kaji selidik tersebut.

Setelah selesai menulis karangan penulis mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar . Sebelum responden menjawab soal selidik, penerangan terlebih dahulu diberikan bertujuan supaya responden tidak meninggalkan ruangan kosong bagi soalan yang tidak

difahaminya. Masa bagi menjalankan soal selidik ini ialah antara lima belas hingga dua puluh minit. Pelajar diminta melabel dengan nombor kad pengenalan mereka pada karangan dan pada borang soal selidik mereka dan sebelum dihantar pelajar diminta mengepilkan bersama karangan dan soal selidik tersebut. Ini bagi memudahkan penulis mengisi markah dalam borang soal selidik mereka selepas diperiksa.

Markah yang diperoleh oleh responden juga bertujuan untuk mengukur sama ada terdapat hubungan antara kebolehan metakognisi pelajar dengan pencapaian markah dalam penulisan karangan.

Karangan yang telah ditulis oleh pelajar tadi pula akan dinilai mengikut kaedah tanggapan menyeluruh oleh penulis sendiri. Peranan ujian karangan ini sebenarnya di samping untuk mendapatkan markah karangan pelajar ia juga berperanan sebagai pencetus kepada pemikiran pelajar yang membolehkan mereka membuat refleksi tentang pemikiran semasa menulis karangan ketika menjawab soalan soal selidik.

Penulis tidak menggunakan kaedah '*think aloud*' semasa menulis atau secara "*on-line*" kerana merasakan bahawa kaedah ini akan menyebabkan terganggunya aliran idea semasa menulis. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hume (1993) bahawa dengan cara tersebut penulis (sampel) dibebankan dengan tugas menyatakan apa yang ditulis dan difikir olehnya. Ini akan membantutkan aliran idea untuk menulis. Ini adalah kerana seseorang penulis itu terpaksa menjalankan dua kerja kognitif secara serentak.

Markah yang diperoleh oleh pelajar dalam karangan mereka akan diisi sendiri oleh penulis pada borang soal selidik responden berkenaan.

Prosedur Penganalisisan Data

Data -data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS Version 7.5)

Taburan kekerapan dan peratusan digunakan untuk membuat hurai tentang beberapa variabel tertentu seperti kaum, pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu

peringkat Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan jurusan. Selain itu, untuk melihat hubungan antara dua variabel, kaedah Jadual silang (*crosstabulation*) dan nilai χ^2 (ganda dua). *Pearson's r* pula digunakan untuk analisis korelasi dengan mengambil signifikan pada aras .05 dan signifikan di sini bermakna $p < 0.05$.

Bagi menjawab soalan-soalan kajian sesetengah item telah dicampurkan (*compute*) dan telah dikod semula (*recode*) menjadi empat skala iaitu :

- | | |
|------------------------|------------------|
| 1. Sangat tidak setuju | 3. Setuju |
| 2. Tidak setuju | 4. Sangat setuju |

Bagi melihat tahap metapenulisan pelajar terhadap diri (*person*), dapatkan daripada item yang berkaitan telah di'compute'. Setelah diteliti hanya enam item yang sesuai bagi mengukur tahap metapenulisan terhadap diri yang terdapat dalam bahagian I iaitu item 5 dan 6 dan II soal selidik iaitu item 1, 4.i, dan 4.ii dan item 5 dan 6 yang telah dicompute (tambah) dan dilabel sebagai "prestasi" (rujuk definisi istilah). Bagi melihat tahap kebolehan metapenulisan terhadap diri yang sebenar, respon pelajar terhadap item 1 iaitu pernyataan tentang "suka menulis karangan" dan "prestasi" telah dicompute (tolak) untuk mendapatkan perbezaan skor antara suka menulis karangan dengan prestasi sebenar dalam penulisan karangan. Perbezaan skor itu pula telah dikod semula berdasarkan nilai $0 \rightarrow 4, 1 \rightarrow 3, 2 \rightarrow 2, 3 \rightarrow 1$ dan $4 \rightarrow 0$. Ini berdasarkan prinsip seperti pelajar yang menyatakan sangat setuju bahawa ia suka menulis karangan (skor 1) akan mendapat skor sebanyak 4 dan jika prestasi penulisan karangannya (skor 2) adalah cemerlang ia akan mendapat skor sebanyak 4. Ini bermakna beza bagi skor 1 dan skor 2 adalah 0. Ini membawa maksud bahawa pengetahuan pelajar terhadap dirinya (skor sebenar) adalah sangat tepat dan diberi nilai 4 dan begitulah seterus. Respon terhadap item 5 iaitu pernyataan tentang kebolehan untuk mendapat cemerlang dalam karangan ekspositori telah dicompute (tolak) dengan item 5 (pencapaian karangan ekspositori). Kaedah yang sama juga diulang bagi mendapatkan skor diri prestasi karangan ekspositori. Begitu juga dengan item 6 dan item 11 (rujuk lampiran soal selidik).

Prosedur kedua pula dibuat bagi mengukur tahap metapenulisan terhadap diri secara keseluruhan, iaitu skor sebenar *dicompute* (tambah) lagi. Jumlah dapatan tersebut telah dikod semula menjadi empat skala iaitu 1 hingga 3 = 1, 4 hingga 6 = 2, 7 hingga 9 = 3 dan 10 hingga 12 = 4 dan dikira sebagai variabel atau item yang baru iaitu "diri".

Bagi melihat tahap metakognisi pelajar terhadap tugas (*task*) prosedur pertama tidak dibuat dan penulis terus menjalankan prosedur dengan mengambil terus item daripada bahagian II soal selidik tetapi item yang terlibat adalah item 2, 3, 5.ii, 5.iv, 5.v, dan 9.ii dan telah dikod semula menjadi empat skala iaitu 1 hingga 6 = 1, 7 hingga 12 = 2, 13 hingga 18 = 4 dan 19 hingga 24 = 4 dan ini dikira sebagai variabel baru iaitu "tugas". Begitu juga dengan tahap metakognisi pelajar terhadap strategi dan item yang terlibat adalah item 5.i, 5.iii, 5.vi, 7, dan 8 dan juga telah dikod semula menjadi empat skala juga iaitu 1 hingga 5 = 1, 6 hingga 10 = 2, 11 hingga 15 = 4 dan 16 hingga 20 = 4 dan dilabel sebagai variabel atau item yang baru sebagai "strategi".

Bagi melihat tahap metakognisi terhadap pengetahuan pula penulis telah meng'*compute*' item "diri", "tugas" dan "strategi" dan menghasilkan 12 skala . oleh yang demikian penulis telah mengekod semula iaitu 1 hingga 3 = 1, 4 hingga 6 = 2, 7 hingga 9 = 3 dan 10 hingga 12 = 4 dan dikira sebagai variabel baru iaitu "pengetahuan" setelah dikod semula. Sementara itu, penulis juga telah meng'*compute*' item yang mengukur tahap metakognisi pelajar terhadap pemantauan dan pengendalian dan item-item yang terlibat adalah item di bahagian II iaitu 10.i hingga item 14.v, dan telah menghasilkan 88 skala dan ini juga telah dikod semula iaitu 1 hingga 22 = 1, 23 hingga 44 = 2, 45 hingga 66 = 3 dan 67 hingga 88 = 4 dan ini dikira sebagai variabel yang baru dan dilabel sebagai "pemantauan dan pengendalian".

Akhir sekali, untuk melihat tahap metakognisi secara keseluruhan pula penulis telah meng'*compute*' (tambah) kesemua 44 item dan menghasilkan 176 skala dan telah dikod semula juga dan menghasilkan 4 skala sahaja iaitu 1 hingga 44 = 1, 45 hingga 88 = 2, 89

hingga 132 =3 dan 133 = 176 = 4 dan dikira sebagai item atau variabel baru iaitu "metakognisi".

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, penulis juga telah meng'compute' dua lagi item di bahagian I iaitu item 5 dan 6 . Item 5 adalah markah karangan ekspositori dan item 6 pula adalah markah karangan deskriptif. Kedua-dua item ini di'compute' untuk mendapatkan prestasi penulisan karangan secara keseluruhan dan telah menghasilkan 8 skala dan telah dikod semula iaitu 1 hingga 2 = 1, 3 hingga 4 = 2, 5 hingga 6 =3 dan 7 hingga 8 = 4 dan telah dikira sebagai variabel baru dan dilabel sebagai "prestasi"

Bagi melihat tahap metakognisi dalam penulisan pula keempat-empat skala ini telah diberi nilai skor iaitu 1 bagi sangat tidak setuju, 2 bagi tidak setuju, 3 bagi setuju dan 4 bagi sangat setuju dan ini pula bermakna 1 = sangat rendah, 2 = rendah, 3 = tinggi dan 4 = sangat tinggi.